

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 50 RABU 13 DISEMBER, 1967

1387 رابو 11 رمضان PERCHUMA

D.Y.M.M. gembira tentang kemajuan negara yang di-laksanakan terus

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanul Bolkiah telah bertitah bahawa Kerajaan ada-lah bertujuan untuk memelihara kedudukan kewangan yang tegoh di-samping menumpukan sa-bilangan besar hasil2 negeri kepada kemajuan yang munafaat.

Kerajaan, titah baginda, ada-lah penoh menyedari betapa mustahak-nya perkembangan dalam lapangan2 pelajaran, masharakat dan kebudayaan yang kemajuan dalam lapangan2 itu sedang berkembang dan terus berjalan.

Baginda bertitah demikian ketika merasmikan pembukaan persidangan Majlis Mashuarat Negeri (Belanjawan) yang berlangsung di-Dewan Kemasharakatan, B a n d a r Brunei pada 11 Disember, 1967, hari Isnin lepas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan telah juga menghadhiri istiadat pembukaan rasmi itu di-samping Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Ketua2 Pejabat dan ahli2 majlis2 mashuarat serta orang ramai.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan telah menyatakan rasa kegembiraan Baginda atas kemajuan2 yang tercapai dalam bidang pelajaran dan perkembangan di-mana Baginda sendiri telah berpeluang merasmikan pembukaan Bekalan Tenaga Listrik Negara baharu2 ini.

BERJAGA2

Bertitah mengenai persidangan yang berthabit dengan belanjawan negara itu, Baginda telah menyatakan keyakinan kepada ahli2 majlis mashuarat negeri itu supaya akan menimbangkan dengan amat teliti-nya anggaran2 hasil dan perbelanjaan bagi tahun yang akan datang.

Sa-lain dari itu, Baginda telah menyatakan keshukoran atas terkawal-nya keamanan dan ketenteraman yang raayat Brunei telah menikmati kebebasan dari kekacauan dalam negeri.

Bagaimana pun, titah baginda, keadaan di-negeri2 tetangga memerlukan kita supaya sentiasa berjaga2 untuk memelihara keamanan dan ketenteraman ini dalam negara.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan sedang membalas tabek kehormatan dari pasukan Pulis Di-Raja dari sa-buah pentas di-hadapan bangunan Dewan Kemasharakatan sa-belum Baginda merasmikan pembukaan sidang tersebut.

Baginda telah menitahkan ucapan terima kasih kepada pasukan Pulis Di-Raja serta Askar Melayu Di-Raja Brunei dan juga kepada pasukan2 tentera Baginda Queen yang telah bekerjasama amat rapat-nya untuk mengawal keamanan dan ketenteraman negeri ini.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan berdo'a mudah2an seluroh raayat Baginda akan terus menerus tinggal dalam aman dan damai.

Kapada Ahli2 Yang Berhormat bagi Majlis Mashuarat

Negeri itu, Baginda telah bertitah bahawa ahli2 majlis itu ada-lah mempunyai tanggung-jawab2 yang amat besar terhadap kebajikan, keamanan dan ketenteraman Negara Brunei.

Baginda menyeru ahli2 majlis supaya dengan sungoh2 dan laila ikhlas untuk menjelaskan supaya raayat faham akan apa yang Kerajaan sedang dan akan usahakan untuk meninggikan laila taraf hidup mereka laila se-dherhana ka-arah kebajikan.

LIHAT MUKA 8



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan (tengah) bergambar ramai dengan ahli2 Majlis Mashuarat Negeri di-depan bangunan Dewan Kemasharakatan sa-lepas pembukaan sidang belanjawan pada hari Isnin lepas. Kelihatan dalam gambar ini ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan (No.5 dari kanan) dan Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir.

Pembinaan Mahligai menelan belanja \$500,000.00

Lambang hasrat
Kerajaan pada
mengembangkan
Ugama rasmi
negara

BANDAR BRUNEI. — Mahligai yang merupakan bahtera Di-Raja, di-bena sa-bagai satu kenangan kekal kerana menyambut Nuzul A-Kor'an yang ka-1,400 tahun telah pun siap pembinaan-nya.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal-Ehwal Ugama berkata, ia-nya akan di-buka dengan rasmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan pada 19 Disember ini, ia-itu serentak dengan hari ulang tahun turun-nya kitab suci Al-Kor'an itu.

Mahligai tersebut ada-lah melambangkan hasrat dan usaha pehak kerajaan untuk mengembangkan ugama Islam, yang menjadi ugama rasmi di-negeri ini dan bertujuan untuk menyediakan sa-buah tempat yang kekal bagi peraduan2 dan pesta yang ada kaitan-nya dengan hal2 ugama Islam.

Juruchakap itu berkata, pembinaan-nya menelan belanja \$500,000.00 termasuk harga pembinaan tempat penunton dan kolam panchutan ayer.


KEPERMAIAN

Mahligai yang di-bena diatas Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin itu, menurut juruchakap itu, ada-lah juga menjadi salah satu sumber kepermaian kepada Bandar Brunei.

Sa-telah pembukaan-nya pada 19 Disember, ia-nya akan merupakan tempat bagi mengadakan beberapa acara untuk menyambut hari ulang tahun Nuzul Al-Kor'an, seperti pertandingan m e m b a c h a Kor'an dan membaca sajak.

Satu perarakan tanglong dan berchuchol rumah2 selama tiga malam juga akan diadakan dalam sambutan itu. Hari Nuzul Al-Kor'an juga akan di-peringati dengan penjualan setem2 khas pada 19 Disember ini.

Kemunchak bagi sambutan Nuzul Al-Kor'an itu akan berlangsung dari 19 hingga 26 Disember, 1967. Di-sepanjang sambutan itu di-adakan berbagai2 acara peraduan2 peringkat negeri akan di-langsungkan.



Gambar di-atas menunjukkan Mahligai yang merupakan bahtera Di-Raja yang di-bena di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin. Ia-nya ia-lah kenangan kekal untuk memperingati Nuzul Al-Kor'an yang ka-1,400 tahun dan tempat mengadakan peraduan2 dan pesta yang berkaitan dengan ugama Islam.

16 JAMBATAN YG. PANJANG-NYA 4,443 KAKI AKAN DI-BENA DI-KG. AYER

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Daerah Brunei dan Muara telah memberi kuasa kepada Jabatan Kerja Raya untuk membena 16 buah jambatan yang panjang-nya berjumlah 4,443 kaki di-Kampung Ayer.

Jabatan2 tersebut akan menghubungkan antara sa-buah kampung dengan sa-buah kampung yang lain di-Kampung Ayer dan memberikan kemudahan jalan keluar masuk kepada orang2 kampung tanpa menggunakan perahu atau moto bot.

Sa-orang juruchakap Pejabat Daerah itu berkata, jambatan yang paling panjang sekali ia-lah 820 kaki. Ia-nya akan menghubungkan antara Kampong Sungai Kedayan 'B'

dengan tambak Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin.

Juruchakap itu berkata, peruntukkan kerana itu telah siap di-sediakan dan kerja2 pembinaan-nya akan di-laksanakan oleh Jabatan Kerja Raya pada tahun depan.

Sa-tengah dari jambatan2 itu akan merupakan tambahan kepada jambatan2 yang ada sa-bagai jambatan untuk penempatan paip2 bekalan ayer ka-Kampung Ayer.

Juruchakap itu berkata, apabila jambatan2 tersebut siap, kebanyakan dari kampung2 dekat dengan bandar akan di-hubungkan ka-tebing dengan jambatan.

Orang2 kampung juga akan menikmati bekalan ayer melalui jambatan2 tersebut.

"MEKAR" SUDAH TERBIT

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengumumkan bahawa dewan itu telah menerbitkan majalah kanak2 yang di-beri nama 'Mekar'.

Majalah itu berharga 60 sen sa-naskhah dan boleh di-beli di-mana2 kedai buku di-Brunei.

'Mekar' di-hiasi penuh dengan gambar2 mengenai sains, pengetahuan am, sejarah, cherpin dan lain2 bacaan kanak2.

Ia-nya ia-lah majalah yang ketiga di-keluarkan oleh dewan itu sa-lepas 'Beriga' dan 'Bahana'.

JALAN RAYA LUAR BANDAR BRUNEI DI-BUBOH BATU KELIKIR

BANDAR BRUNEI. — Jalan raya luar bandar di-Daerah Brunei dan Muara akan diperbaiki dengan di-buboh batu kelikir di-atas-nya untuk membolehkan-nya di-gunakan dalam segala chuacha.

Jalan2 raya di-luar bandar ada-lah di-bena oleh Pejabat Daerah di-bawah rancangan perkembangan luar bandar.

Sa-orang juruchakap bagi Pejabat Daerah berkata, batu kelikir telah di-jumpai dekat Muara dan kerja mengambil batu itu akan di-mulakan da-

lam bulan hadapan.

Juruchakap itu berkata, tempat batu itu di-pilih khas untuk membekalkan batu kelikir bagi memperbaiki jalan2 raya luar bandar di-Daerah Brunei dan Muara.

Kerja2 untuk membuboh batu di-atas permukaan jalan2 raya luar bandar sekurang ini telah di-mulakan di-Kiulap dan Kiarong.

Kerja2 itu akan di-perhebatkan apabila quarry di-Muara itu nanti mengeluarkan hasil.

63 1/2 BATU JALAN TAMBAHAN DI-TUTONG

TUTONG. — Satu rangkaian jalan raya tambahan sa-juah 63½ batu telah pun di-chadangkan bagi Daerah Tutong, di-bawah rancangan membena jalan2 baru sa-juah 140 batu di-seluruh negeri.

Apabila rangkaian jalan raya tambahan itu di-luluskan oleh pehak kerajaan maka ia-nya membuka kawasan2 luar bandar dan akan menghubungkan kampung2 di-daerah itu.

Ia-nya akan melalui Litad dan dari situ jalan raya akan terus di-hubungkan ka-Kuala Belait melalui jalan Sungai Liang/Labi.

Kerajaan beri penjelasan mengenai usol2 yang di-luluskan oleh M.M.D.

TUTONG. — Kerajaan telah memberikan jawapan2 dan ulasan2 mengenai usol2 yang telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang bersidang pada 6 April, 6 Mei dan 7 Jun, 1967.

Dalam persidangan 6 April, 1967 dua usol telah di-luluskan bagi mengadakan tempat X-Ray badan di-rumah sakit Daerah Tutong dan bagi mengadakan bekalan letrik kakampong2 luar bandar dalam daerah itu.

Dalam jawapan Kerajaan yang di-bentangkan dalam Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang terakhir bagi tahun 1967 yang di-langsungkan di-Bilik Persidangan Pejabat Daerah pada hari Khamis, 7 Disember yang lalu telah memberikan penjelasan2 yang berpututan.

Jawapan Kerajaan itu menjelaskan bahawa satu projek untuk membina sa-buah rumah sakit baru di-daerah itu telah pun di-ranchangkan dan satu kawasan tanah telah pun di-perolehi untuk ranchangan ini. Ini, sudah tentu di-pertimbangkan untuk mengadakan bilek X-Ray dalam ranchangan itu.

Mengenai bekalan letrik, jawapan Kerajaan itu menegaskan bahawa semua kampung2 di-daerah Tutong akan di-perbekalkan dengan letrik mengikut dan apabila di-fikirkan patut di-adakan.

Dua usol yang kemukakan dalam persidangan 6 Mei, 1967 itu telah meminta Kerajaan supaya dapat membubuh pit halus (Hot-mix) dari simpang jalan raya Tutong/Seria ka-Danau dan satu usol lagi meminta Jabatan Hal-Ehwal Ugama supaya dapat mengadakan kenderaan kepada murid2 sekolah ugama luar bandar bagi darjah VI yang sedang belajar di-Sekolah Muda Hashim, Tutong.

Menjawab usol pertama itu, Kerajaan telah menjelaskan bahawa oleh kerana banyak jalan2 raya yang berkehendakan pit halus (hot-mix) ini, maka Kerajaan sa-belum membuat satu langkah itu haruslah melihat kepada keadaan dan ranchangan untuk menaborkan pit halus pada jalan raya Tutong/Seria ka-Danau itu ada-lah dalam pertimbangan.

Mengenai usol kedua pula, kerajaan menjawab bahawa perkara mengadakan kenderaan kepada murid2 sekolah Ugama luar bandar bagi darjah VI yang sedang belajar di-Sekolah Ugama Muda Hashim itu maseh dalam per-

Tutong Dalam sidang-nya pada 6 April, 6 Mei, dan 7 Jun, 1967

timbangan dan perhatian jabatan yang berkenaan.

Usol tunggal yang di-kemukakan dalam persidangan 7 Jun, 1967 telah meminta Jabatan Pelajaran supaya dapat mengadakan kenderaan untuk mengangkat murid2 sekolah Inggeris yang belajar di-Sekolah Melayu Muda Hashim yang datang dari Ulu Sungai Tutong sama ada dengan kenderaan darat atau sungai mengikut keadaan tempat2 itu.

Jawapan mengenai usol tersebut, Kerajaan telah menegaskan bahawa pada masa ini tidak ada ranchangan bagi mengadakan kenderaan untuk kanak2 dari Ulu Sungai Tutong yang bersekolah di-Klas2 persediaan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

"Meski pun demikian, kanak2 yang tinggal lebih dari tiga batu daripada sekolah akan terus menerima alaan sara hidup", tegas jawapan Kerajaan itu.

Selanjut-nya, jawapan Kerajaan itu menyatakan bahawa kerja2 akan di-mulakan dengan segera untuk membina sekolah Inggeris di-Tutong. Ranchangan ini termasuk asrama tempat tinggal untuk 200 orang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan. Tempat tinggal itu ada kemungkinan boleh di-gunakan pada awal tahun 1969.

Dalam persidangan itu juga, ahli dari kawasan Tanjong Maya Yang Berhormat, Awang Md. Zain bin Serudin telah mengemukakan soalan2 bertulis berthabit dengan Mukim Konsol Daerah Tutong. Beliau ingin tahu tentang mengapa Mukim Konsol itu tidak mengadakan persidangan-nya adakah tidak memberi munafat kepada Kerajaan dan orang ramai dan adakah badan tersebut akan di-bubarkan.

Untuk menghuraikan keraguan ahli itu, Kerajaan telah menjawab bahawa Mukim

LIHAT MUKA 6

MBBB ANJORKAN LUMBA BASIKAL DARI K.B. KA-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Majlis Belia Bandar Brunei merancang akan mengadakan satu perlumbaan basikal dari Kuala Belait ka-Bandar Brunei pada satu masa sa-lepas chuti Hari Raya Puasa.

Perlumbaan jarak 67 batu itu ada-lah buat pertama kalinya di-anjorkan oleh majlis itu dan ia-nya terbuka kepada orang2 dewasa sa-chara persaorangan dan kumpulan.

Sa-orang juruchakap bagi Majlis Belia berkata, perlumbaan itu di-ranchangkan untuk menguji kekuatan tenaga ahli2 pelumba basikal Brunei.

Kata-nya, Brunei berharap akan menghantar perwakilan ka-Sokan Asia di-masa depan untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal.

Juruchakap itu meminta bakal peserta yang akan memasuki perlumbaan sa-jauh 67 batu itu supaya memulakan lathan mereka.

Tarikh perlumbaan akan di-umumkan kelak.



BANDAR BRUNEI. — Kerja memasang mural atau lukisan dinding di-muka depan bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka telah selesai.

Lukisan dinding itu di-buat daripada kepingan kaca yang berawarna warni.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Haji

Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar berkata lukisan itu telah di-tempah dari sa-buah sharikat di-Itali.

Ia-nya di-buat berdasarkan lukisan oleh Awangku Asma-lee bin Pengiran Ahmad, sa-orang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dan sekarang ini beliau sedang melanjutkan pelajaran-nya dalam

seni lukis di-United Kingdom.

Sa-buah buku yang terbuka dan sa-buah roda dari tengah2 dasar lukisan itu menggambarkan seni, kebudayaan, pelajaran, permainan dan perusahaan Brunei.

Gambar atas menunjukkan lukisan dinding itu telah siap di-pasang di-dinding hadapan DBP.

13 Disember, 1967.

PERKEMBANGAN SEMAKIN PESAT

HARI Isnin lepas, 11 Disember, 1967, maka berlangsunglah Persidangan Majlis Mashuarat Negeri mengenai belanjawan negara yang membincangkan tentang perbelanjaan yang harus di-belanjakan Brunei pada tahun 1968 yang hanya tinggal selama 18 hari saja lagi dari hari ini bagi mendapatkan tahun baru itu.

Dalam persidangan hari pertama itu telah di-dahului-kan untuk di-bentangkan kepada majlis satu Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1968.

Dalam Rang Undang-undang itu terchatetlah anggaran perbelanjaan kerana perkhidmatan tahun 1968 yang jumlah besar-nya lebeh dari \$189 juta.

Dalam peruntukan kerana perkhidmatan tahun 1967 hanya berjumlah sa-banyak \$148 juta yang berma'ana peruntukan tahun 1968 ini ada-lah bertambah sa-banyak \$41 juta.

Sechara kasar, maka dapatlah di-ukur bahawa tahun 1968 ada-lah merupakan tahun yang akan mendekatkan lagi negara Brunei untuk dikenal sa-bagai sa-buah negara yang menuju ka-arrah perkembangan yang semakin besar dan meluas yang menjadi hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan.

Jika di-tinjau dari sudut angka, angka \$41 juta itu juga merupakan suatu angka yang besar, dan mempunyai suatu kuasa hasrat yang tinggi nilai-nya dan besar faedah-nya untuk Brunei dan raayat di-dalam-nya menuju ka-ambang kemajuan yang amat meyakinkan.

Dalam titah ucapan ketika merasmikan pembukaan persidangan itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan telah menumpukan kepada empat perkara penting ia-itu pertama mengenai kemajuan, Ugama, Kewangan dan keamanan negara yang keempat2 perkara itu meliputi seluruh bidang dan jurusan di-negara kita ini.

Baginda merasa gembira yang Kerajaan telah terus menerus melaksanakan rancangan2 kemajuan pelajaran dan lain2 perkembangan lagi yang mana Baginda sendiri yang baru saja beberapa bulan menaiki takhta Kerajaan telah berpeluang mengisytiharkan pembukaan Perbekalan Letrik Negara ia-itu salah satu rancangan yang besar.

Kerajaan menyedari sa-penoh-nya betapa mustahak-nya perkembangan dalam berbagai2 lapangan saperti pelajaran, masharakat dan kebudayaan. Kerajaan bertujuan untuk memelihara kewangan yang tegoh sa-bagai mana tahun2 yang lalu dan Kerajaan juga menumpukan sa-bilangan besar hasil2 negara untuk melancarkan projek2 kemajuan yang memberi munafaat atau faedah kepada raayat dan negara.

KHUTBAH JUMA'AT:



Bulan Ramadhan satukan kaum muslimin dengan tidak membezakan warna kulit

Ibadat puasa bukan suatu perintah yang menyusahkan umat Islam—

KEDATANGAN bulan Ramadhan yang kita di-wajibkan berpuasa bagi menjunjung salah satu rukun Islam ada-lah sebagai alat bagi menyatukan kaum Muslimin seluruh-nya, baik di-Barat mahu pun di-Timor dengan tidak menghiraukan perbezaan warna kulit dan lain2.

Bulan Ramadhan ini menyatukan kaum muslimin dalam kegembiraan dan perasaan mereka, menyatukan mereka dalam memperingati kembali kenangan2 yang indah berhubung dengan sejarah, menyatukan waktu makan dan minum mereka. Bulan Ramadhan ini juga menjadikan orang2 miskin dan orang2 kaya dalam kedudukan yang sama ketika menunaikan fardu Puasa.

MENGAWAL HAWA NAFSU

Dalam bulan Ramadhan ini kaum Muslimin yang menunaikan puasa itu merasa diri mereka sa-olah2 mereka itu bangun dari tidur di-luar waktu kebiasaan mereka, kerana mereka pada sepanjang hari menahan diri daripada makan dan minum memelihara serta mengawal hawa nafsu semata2 menjunjung perintah Allah yang di-durong oleh hati yang penoh dengan iman dan takwa serta mengharapkan ganjaran atau pahala daripada tuhan yang maha kuasa. Dalam keadaan ini kaum Muslimin seluruh-nya bersatu, dan tiada perbezaan yang timbul disebabkan oleh kekayaan, pangkat, warna kulit dan lain2 lagi. Semoga kaum Muslimin

yang berpuasa dengan penoh keimanan mendapat rahmat serta tafik dan hidayat daripada Tuhan.

Ibadat berpuasa bukan-lah suatu perintah yang memberatkan atau menyusahkan orang2 Islam, bahkan salah satu daripada dasar perundangan dalam Islam ia-lah perintah2 itu ada-lah sesuai dengan keadaan semula jadi manusia dan Tuhan tidak-lah bermaksud untuk menyusahkan orang2 yang beriman kepada-nya, bahkan kerianan dan kelungaran menjadi maksud dalam perintah2 ugama-nya.

UZOR

Dalam menjalankan ibadat puasa orang2 yang uzor dari segi pandangan shara di-haruskan berbuka puasa kemudian di - ikuti dengan Khadza di-masa lain atau membayar pediah. Kelungaran atau kerianan itu berdasarkan peraman Tohan dalam surat Albakrah ayat 185 yang bermaksud:

"Allah menghendaki supaya kamu mudah dan tidak menghendaki supaya kamu susah".

Orang2 yang di-haruskan berbuka puasa ia-lah orang sakit, orang terlalu tua tidak berdaya mengerjakan puasa, orang musafir baik belayar bukan kerana tujuan maasiat, perempuan yang hamil atau yang sedang menyusukan anak.

Orang2 yang di-haruskan berbuka puasa itu, ada kala-nya mengkhadha sahaja, ada

kala-nya wajib kadha serta membayar pediah (tebusan) ia-itu dengan mengeluarkan kira2 satu kati beras dan ada kala-nya wajib pediah sahaja.

ORANG TUA

Orang2 yang wajib khada sahaja ia-lah orang sakit, orang musafir, perempuan hamil atau sedang menyusukan anak jika takut diri-nya Muzrat. Orang2 yang wajib khada serta pediah ia-lah perempuan hamil atau sedang menyusukan anak dan ia takut diri anak-nya itu muzrat, orang yang melambatkan khada Ramadhan hingga datang Ramadhan yang lain. Dan orang2 yang wajib pediah sahaja ia-lah orang yang terlalu tua dan orang sakit yang tidak ada harapan semboh.

WAJIB

Ini-lah kelungaran2 dan kerianan2 dalam Ugama Islam ketika kaum Muslimin-menunaikan fardzu Puasa, sebenar-nya Puasa bukan-lah perkara yang senang dalam sejarah umat manusia kerana bukan sahaja umat Islam yang di-wajibkan berpuasa bahkan agama2 lain yang terdahulu daripada-nya telah mewajibkan puasa kepada penganut2-nya.

Mari-lah kita menunaikan ibadat berpuasa dengan hati yang penoh keimanan dan takwa serta menjunjung pahala daripada Tohan yang maha Esa dan semoga kita menjadi orang yang takwa.

Ranchangan baja perchuma 1,508 karong baja padi di-bahagi2kan kepada peladang2

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet berkata lebih dari 300 orang peladang telah menggunakan ranchangan bantuan baja padi yang di-umumkan oleh kerajaan dalam bulan Ogos tahun ini.

Beliau berkata, sa-takat ini 1,508 karong baja telah di-bahagi2kan kepada peladang2.

Hanya peladang2 yang mempunyai sawah padi di-mana terdapat ada tali ayer dan parit telah di-berikan baja dalam musim ini.

Awang Malet berkata, kerajaan berharap akan dapat meluaskan ranchangan bantuan baja padi ini di-masa depan jika lain2 kawasan di-dapati sesuai.

Kira2 1,121 gantang beneh padi yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak telah di-keluarkan kepada peladang2 dalam tahun ini untuk menambahkan lagi bekalan2 beneh padi jenis IR8 ini. Padi Malinja dan Masuri sekarang sedang di-tanam di-pusat2 pertanian Kilanas, Lumapas dan Luahan.

Awang Malet berkata, hinga sekarang tidak terdapat sa-

barang gangguan atau penyakit terhadap padi, tetapi belalang telah mengganggu di-beberapa kawasan dan di-empat buah buah kampong tikus di-beritakan telah melakukan banyak kerosakan terhadap padi.

Satu masa'alah yang di-hadapi dalam usaha hendak menambahkan hasil padi bagi satu ekar ia-lah kerana adanya sa-chara meluas kebiasaan menanam padi di-atas tanah gambut dan tanah pasir.

Kedua2 jenis tanah ini menghadkan hasil yang dapat di-perolehi dan di-lain2 bahagian dunia tanah gambut di-dapati tidak sesuai untuk pengeluaran beras jangka panjang yang boleh menguntungkan.

Awang Malet menjelaskan, gulungan tanah itu dapat di-ketahui apabila pengkajian kebolehan tanah yang di-jangka di-mulakan tidak berapa lama lagi selesai di-jalankan.

Tujuan ranchangan bantuan baja itu ia-lah untuk menchuba dan menulong menambahkan pengeluaran beras di-negeri ini yang dalam tahun lepas telah mengimpot lapan puluh peratus dari jumlah beras yang di-perlukan.



Menjelang berbuka puasa umat Islam kelihatan sebak membeli belah menurut keperluan selera masing2. Gambar atas menunjukkan penjaja 'chindul' sebak melayani pembeli2-nya.

BELUM ADA ORANG YANG DI-TANGKAP KERANA TIDAK BERPUASA

BANDAR BRUNEI. — Setelah berpuasa selama sepuluh hari, umat Islam di-Brunei menunjukkan yang mereka patoh dan tidak menjabuli undang2 yang mengawal puasa di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal-Ehwal Ugama ketika menerangkan bahawa tidak terdapat-nya sebarang penchabolan terhadap undang2 puasa itu, telah memuji umat Islam di-negeri ini kerana menghormati rukun Islam yang ka-empat.

Kata-nya, sejak puasa bermula pada minggu lalu, penyiasat2 ugama telah membuat tinjauan tetapi telah tidak melihat atau menjumpai walau sa-orang pun umat Islam

yang tidak berpuasa.

Sepanjang bulan puasa, umat Islam di-larang makan, minum atau merokok di-sepanjang siang hari, dari fajar hingga matahari masok.

Sa-orang Islam yang tidak berpuasa boleh di-denda sebanyak \$50 kerana kesalahan pertama, \$75 bagi kesalahan kedua dan \$100 bagi kesalahan kali ketiga.

Juruchakap itu memohon tuan2 punya restoran dan kedai2 makan supaya memberikan kerjasama dengan tidak menjual minuman atau makanan kepada orang2 Islam sepanjang siang hari.

Tuan2 punya restoran atau kedai2 makan boleh di-denda jika mereka di-dapati bersalah kerana melayan orang2 Islam di-sepanjang siang hari pada bulan Puasa ini.

TELAGA MINYAK AKAN DI-KOREK DI-SATU KAWASAN DI-TUTONG

TUTONG. — Sharikat Minyak Sunray Borneo telah pun selesai menjalankan kerja2 mengesan gegaran bumi di-kawasan yang di-pajakkan kepada Perbadanan pajakan tanah Perbadanan Penapis dan Minyak Clark Brunei, di-Tutong.

Perwakilan mengenai kajian bumi sharikat tersebut, Awang R. Teipel berkata selepas 18 bulan menjalankan kerja2 menyelidik sharikat itu telah menghantarkan chatetan mengenai gegaran bumi itu ka-Amerika untuk di-proses semula.

Kerja2 ini akan di-lakukan dengan menggunakan alat2 komputer bagi mendapatkan ma'lumat2 yang lebih baik.

Awang Teipel berkata, sharikat Jerman "PRAKLA" yang bekerja bagi pihak SUNRAY kerana menjalankan tugas2 seismograph itu telah menyelidik satu kawasan yang chukup untuk memberikan penilaian yang baik.

Pengorek2 akan di-hantar-kan ka-kawasan tersebut untuk mengorek telaga minyak, hanya selepas chatetan menge-

nai gegaran bumi itu telah di-proses semula, dan ini akan mengambil masa selama kira2 enam bulan.

Perbadanan Penapis dan Minyak Clark memperoleh pajakan tanah seluas 700 ekar, untuk menchari minyak dalam bulan Mach tahun 1964.

Kebanyakan dari kawasan itu ia-lah di-Tutong dan di-daerah Belait yang mana Sharikat Minyak Shell Brunei telah menyerahkan kembali hak-nya untuk menchari minyak.

TABONG DERMA HARI RAYA

BANDAR BRUNEI. — Jawatankuasa tetap untuk memungut derma hadiah2 Hari Raya bagi anak2 yatim, orang salah dan orang2 sakit di-rumah sakit telah menyebarkan senarai2 memungut derma

Jawatankuasa sa-ramai 23 orang itu telah bertugas sejak tahun 1958 dan pengerusi-nya pada masa ini ia-lah Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Pengiran Muda Dato Seri Laila Jasa Kemaluddin.

Pada tahun lalu, jawatankuasa tersebut berjaya memungut derma berjumlah \$12,197.12.

Wang derma itu telah di-gunakan untuk membeli hadiah2 dan makanan bagi orang2 salah dan orang2 sakit serta anak2 yatim yang juga menerima wang sa-banyak \$5 bagi tiap2 sa-orang.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa itu berkata, jawatankuasa tersebut berharap akan

dapat mengumpulkan sa-jumlah derma yang lebih besar pada tahun ini.

Sa-lain senarai2 derma itu, jawatankuasa tetap itu telah juga meletakkan tabong2 derma di-masjid2 dan surau2 di-seluruh negeri.

Jawatankuasa itu juga chadang hendak mengadakan pertunjukkan wayang gambar, pementasan dan menjual pelekat2 kereta guna menambahkan wang bagi tabong derma Hari Raya itu.

Mengesan pemborosan penggunaan ayer di-bandar orang ramai di-seru berkerjasama

BANDAR BRUNEI. — Persediaan2 bagi pelaksanaan projek mengesan pemborosan penggunaan ayer di-kawasan Bandar Brunei sedang berjalan dengan lancar-nya.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata jurutera2 sekarang sedang mengkaji ranchangan2 pembahagian bekalan ayer di-kawasan Bandar Brunei sebelum di-pecahkan kepada daerah.

Juruchakap itu berkata, penyalahgunaan penggunaan bekalan ayer di-Bandar Brunei baru2 ini menunjukkan, bahawa sebahagian besar bekalan ayer telah terbuang.

Kejadian seperti itu tidak boleh di-biarkan kerana ia-nya akan memberi kesan kepada bekalan ayer dari kolam ayer Tasek.

Kolam tersebut di-bena ketika keperluan bekalan ayer pada masa itu tidak begitu besar tetapi dari sejak akhir2 ini keperluan ada-lah semakin

bertambah dan bekalan ayer simpanan mungkin tidak mencukupi, jika langkah2 tertentu tidak di-ambil untuk mengawal ayer dari terbuang.

Jabatan Kerja Raya menyeru mereka yang menggunakan ayer supaya tidak membazir dan memberikan kerjasama dengan jabatan bekalan ayer dengan chara melaporkan berlaku-nya kebochoran paip ayer pechah dan jika melihat ayer terbuang. Kerana jika tidak demikian mungkin perlu di-kenakan chatuan bekalan ayer.

Laporan2 mengenai paip ayer pechah atau bochor boleh di-lakukan melalui talipon nombor 428, kepada kaki tangan setor bekalam ayer.

JAWATAN KOSONG:

SEBAGAI BIDAN PELAJAR

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat atau mereka yang berhak di-taftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan di-lantek sebagai Bidan2 Pelajar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

KELAYAKAN2:

Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu, atau kelayakan yang sebanding Melayu pasar.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang bersedia untuk pulang ka-kampung2 mereka untuk berkhidmat sebagai Bidan apabila mereka sudah mempunyai kelayakan.

Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang-nya 20 tahun.

LATEHAN:

Chalon2 yang terpilih akan di-kehendaki menjalani satu latehan selama 2 tahun di-Sekolah Perbidanan, Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Setelah tamat tempoh latehan selama 6 bulan, bidan2 pelajar yang tidak menjalani kursus dengan memuaskan mungkin akan di-berhentikan.

Bidan2 Pelajar di-kehendaki lulus satu peperiksaan setelah tamat kursus latehan itu.

TUGAS SELEPAS

LATEHAN:

Bidan2 yang telah lulus akan bertugas di-kampung2 ia-itu di-kelini2 khas.

TINGKATAN GAJI:

Bidan Pelajar — \$152/sa-bulan.

Bidan (Terlateh) — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Bidan (Staff Midwife) — \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Bidan2 Pelajar yang di-lantek di-bawah ranchangan ini ada-lah berhak mendapat pakaian seragam perchuma dan alaan dhobi.

Bidan2 terlateh ada-lah berhak di-naikan pangkat menjadi Bidan (Staff Midwives).

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 31 Disember, 1967.



Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri kelihatan sedang menyampaikan wang bantuan itu kepada Awang Junaidi bin OKSN, Md. Safar, Setia Agong Persatuan Melayu Kerima, Tutong.

2 buah persatuan lagi terima bantuan wang

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah mendermakan wang sa-banyak \$300 tiap2 satu kepada dua buah persatuan belia kerana menolong melengkapkan rumah2 persatuan itu dengan alat perabut.

Persatuan2 tersebut ia-lah Persatuan Melayu Keriam di-Tutong dan PATUH di-Kampung Ayer.

Kedua2 persatuan itu layak menerima hadiah itu sa-telah mereka sendiri mengutip sa-banyak \$300 untuk sa-banding dengan sumbangan Jabatan Kebajikan itu.

Sharat2 bagi menerima bantuan itu, persatuan2 belia mesti-lah membena rumah2 berbentuk klab yang di-luluskan dan mengutip tidak lebih dari \$300 kerana kelengkapan alat perabut seperti meja, bangku dan cabinet.

Dalam bulan Oktober yang lalu dua buah persatuan belia telah menerima bantuan seperti itu. Persatuan2 itu ia-lah PERDA dan persatuan Sengkurong.

Satu usol di-luluskan dalam M.M.D. Tutong

DARI MUKA 3

Konsol itu tidak mengadakan persidangan-nya kerana tidak ada yang hendak di-mashuaratkan.

"Usol2 yang di-hadapkan oleh mereka yang sudah2, tujuan-nya ada-lah sama seperti yang di-hadapkan dalam Majlis Mashuarat Daerah dan Majlis Mashuarat Penghulu2 dan Ketua2 Kampung".

Jawapan Kerajaan itu sa-terus-nya menjelaskan bahawa badan tersebut sudah tentu pada orang ramai jika mengikut tujuan2 yang sa-benar-nya dan kerana itu badan tersebut tidak akan di-bubarkan.

Yang Berhormat Awang Md. Zain telah juga mengemukakan satu usol dalam majlis itu yang kemudian-nya telah di-luluskan.

Usol itu ia-lah untuk mengambil keputusan majlis bagi menasihatkan Pegawai Daerah supaya Kerajaan dapat dengan segera-nya mengadakan perabut2 untuk Balai2 Raya di-Daerah Tutong.

Persidangan itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.

LIMA ORANG TAHANAN DI-BEBASKAN 1 JAN. '68

BUNUT. — Sa-ramai lima orang tahanan yang sekarang sedang menjalani kursus pemulehan semula di-Pusat Pemulehan Bunut di-jangka akan di-bebaskan pada 1 Januari tahun hadapan.

Pegawai Pemulehan, Awang, L. J. Brown memberitahu ba-

hawa pembebasan mereka ada-lah bergantung kepada tamat-nya kursus pemulehan di-pusat itu.

Sa-takat ini sa-ramai 1,684 orang tahanan telah di-bebaskan.

Awang Brown berkata, kebanyakan dari 1,684 orang bekas tahanan itu ada-lah

gembira dengan kehidupan baru mereka dan membuat pekerjaan sendiri atau kembali memegang pekerjaan mereka yang lama.

Beliau berkata, bekas orang tahanan ada-lah berkelakuan baik dan di-terima kembali ka-dalam masyarakat.

AHLI2 MAJLIS MASHUARAT DAERAH TUTONG DI-INGATKAN KETAHUI SEMPADAN YANG DI-BOLEHKAN KETIKA MENGEMUKAKAN USOL2



PG. OTHMAN

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh telah menyeru ahli2 supaya memberi nasihat yang berguna kepada penduduk2 di-daerah itu pada memberikan kerjasama terutama mengenai rancangan2 Kerajaan yang sentiasa di-usahakan pada tiap2 masa mengikut giliran yang tertentu.

Ahli2 majlis hendak-lah memberikan nasihat2 itu kepada penduduk2 kampung sa-lain dari usaha mereka yang tertentu ia-itu membawa usol2 dan mengemukakan pertanyaan2 dalam persidangan majlis.

Seruan itu telah di-buat beliau dalam persidangan akhir Majlis Mashuarat Daerah Tutong bagi tahun 1967 yang telah berlangsung di-Bilek Persidangan Pejabat Daerah Tutong pada hari Khamis, 7 Disember lepas.

Pengiran Othman juga telah mengingatkan ahli2 majlis tersebut supaya mengkaji sedalam2-nya sa-belum mengemukakan sesuatu usol yang hendak di-bawa mereka ka-dalam persidangan.

Pegawai Daerah itu menekankan bahawa kajian awal ada-lah perlu supaya usol2 yang hendak di-emukakan itu tidak akan mendatangkan kerugian sama ada pada penduduk2 di-daerah itu atau pun kepada Kerajaan.

"Ahli2 majlis hendak-lah mengetahui sempadan2 yang mereka di-bolehkan membawa sesuatu usol atau soalan2 sabagaimana terdapat dalam Peratoran2 Tetap Majlis tersebut," tegas Pengiran Othman.

Beliau berharap supaya ahli2 majlis itu akan sentiasa patoh dan taat setia kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dan mengharapakan agar tahun 1968 yang akan datang ini akan membuahkan pandangan2 yang baik dan berfaedah demi untuk kemajuan dan kemakmoran negeri.

Terdahulu dari itu, Pengiran Othman telah menyatakan tentang kemajuan2 yang telah di-chapai dari usol2 yang telah di-luluskan majlis sejak persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong itu di-adakan.

Kata-nya, ahli2 majlis ini telah menghadapi beberapa soalan2 dan usol2 yang di-fikirkan mendatangkan munafaat terutama sekali kepada penduduk2 daerah itu dan penduduk2 seluruh negeri.

Beliau menegaskan bahawa usol2 yang telah di-hadapkan itu telah pun di-ambil tindakan yang memuaskan oleh Kerajaan.

Pengiran Othman telah menyebut beberapa chadangan yang di-buat dalam majlis itu dan telah pun di-layan Kerajaan dengan sewajarnya, antara-nya termasuklah:

- * Mengadakan doktor bagi mengawal kesihatan penduduk2 daerah itu;
- * Mengadakan kereta2 ambulance untuk membawa orang2 sakit dan membawa pegawai2 perubatan untuk mengadakan lawatan ka-kampung2;
- * Mengadakan Pejabat Imigresen; dan

* Mengadakan Pejabat Buroh. Sa-lain dari itu, Pengiran Othman juga telah menyatakan bahawa Kerajaan baru2 ini telah pun memasang radio talipon di-kampung2 pendalaman daerah itu seperti di-Kampung Benutan, Kam-

pong Rambai, Kampung Bukit dan kampung2 yang lain yang di-fikirkan berpatutan di-adakan radio talipon itu.

"Jalan2 kecil yang tidak kurang mustahak-nya ada-lah sentiasa di-baiki seperti membubuh batu, di-timbok dengan tanah di-pasang kalbat dan di-buatkan jambatan serta memberi peluang kepada orang2 kampung untuk bekerja bagi menjaga jalan2 kecil itu," jelas beliau.

Di-bidang kemajuan pelajaran pula, Pegawai Daerah Tutong itu menyatakan bahawa Kerajaan telah pun mendirikan dan menambah beberapa buah sekolah di-Daerah Tutong untuk mengatasi kesulitan2 pelajaran anak2 di-daerah itu.

Berchakap mengenai perbekalan ayer pula, Pengiran Othman menjelaskan bahawa dalam projek-nya yang besar, Kerajaan telah mengarahkan pakar2 untuk menjalankan penyiasatan supaya bekalan ayer dapat di-bekalkan kepada kesemua penduduk2 daerah itu dengan sempurna.

Pengiran Othman telah juga menyebut mengenai jalan2 raya di-daerah itu terutama yang akan menghubungkan kampung2 pendalaman dengan kawasan bandar.

Jalan Lamunin, kata-nya, sedang di-perbaiki dan di-bubuh pit supaya dapat di-gunakan pada tiap2 masa oleh penduduk2 di-kampung2 yang ada di-sepanjang jalan raya itu dan begitu juga dengan jalan raya Penanjong, yang sedang di-ushakan untuk di-perbaiki.

Mengenai perkhidmatan doktor gigi yang telah terhenti di-daerah itu, beliau menyatakan bahawa perkhidmatan itu telah di-adakan kembali.

Menyebut mengenai Balai2 Raya yang telah di-bena di-kampung2 dalam Daerah itu, beliau menyatakan bahawa usaha untuk melengkapkan balai2 raya itu dengan jambatan2 yang sesuai telah pun di-lakukan di-beberapa buah balai raya dan banyak lagi jambatan2 yang serupa akan di-bena di-balai2 raya yang berpatutan.

Pegawai Daerah itu telah yakinakan ahli2 majlis dengan menyebutkan:

"Banyak lagi tindakan2 yang di-ambil oleh Kerajaan sa-bagai menyahut seruan2 penduduk2 di-daerah itu khas-nya dan seluruh pan penduduk2 di-negeri ini dapat negeri Brunei agar taraf kehidupan di-tinggikan".


Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13 Disember, 1967, hingga ka-hari Selasa 18 Disember, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
13 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
14 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
15 Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19	
16 Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	
17 Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	
18 Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	
19 Dis.	12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



BERIMAN, INSAF DAN SABAR ITU-LAH HIKMAT BERPUASA

\$189 juta belanjawan tahun 1968 Peruntukan kemajuan paling besar

BANDAR BRUNEI. — Brunei sedang membuat anggaran Belanjawan sabanyak \$189,431,399 bagi peruntukan tahun depan.

Anggaran belanjawan tersebut ada-lah terchatet dalam Rang Undang2 Perbekalan bagi tahun 1968 yang telah dikemukakan dalam persidangan hari pertama 11 Disember lepas dan telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat, Pegawai Kewangan Negara, Dato Setia Awang John Lee.

Dalam Rang Undang2 itu, peruntukan yang terbesar sekali ia-lah berjumlah \$58,500,000 kerana kemajuan negara dan \$24,077,750 kerana perkhidmatan2 rampaian.

Dari 42 perkara yang lain-nya dalam jadual peruntukan itu sa-jumlah \$19,917,487 diperuntukan bagi Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei; Pelajaran sa-banyak \$16,761,845 dan Kerja Raya sa-jumlah \$13,886,742.

Perubatan di - peruntukan sa-banyak \$7,978,365; Hal-Ehwal Ugama mempunyai peruntukan sa-banyak \$6,007,230; peruntukan untuk perkhidmatan Pulis berjumlah \$5,788,607; Pejabat2 Daerah dan Tanah \$4,207,210; Elektrik \$4,984,285; Bandaran sa-

Peruntukan A.M.D.B. hampir \$20 juta

banyak \$3,070,737; Pertanian \$2,901,550; dan Talikom \$2,521,230.

Lain2 perkhidmatan ia-lah mempunyai peruntukan sabanyak satu juta ringgit kabawah.

Pihak Kerajaan telah menganggarkan pendapatan hasil bagi tahun 1968 sa-jumlah \$157,973,720.

Sumber2 utama dari pendapatan itu ia-lah sa-jumlah \$68,455,000 dari chukai pendapatan; Faedah dari penana-

man modal sa-banyak \$45,860,000; dan chabutan hasil sewa dan sa-bagai-nya sa-jumlah \$29,643,000.

Ranchangan bekalan letrik yang besar yang baru siap dijangka menambahkan pendapatan Jabatan Letrik kapada \$2,846,000 pada tahun depan. Lain2 pendapatan yang besar ia-lah Kastam dan Exsais sabanyak tujuh juta dan Talikom sajumlah satu juta dan dua ratus ribu ringgit.

Persidangan belanjawan akan berlangsung sa-lama beberapa hari dan sa-lain dari mengenai belanjawan, Ahli2 Yang Berhormat akan membincangkan bebrapa Rang Undang2 yang di-bentangkan.

Ahli2 majlis juga akan mendebatkan shor2 yang di-kemukakan oleh ahli2 yang di-pileh dan ahli2 yang di-pileh juga di-beri notis untuk berucap berikutan dengan penanggoahan Majlis Mashuarat itu.

**DYMM Paduka
Seri Sultan
pertama kali
bertitah dlm.
M.M. Negeri**

BANDAR BRUNEI.—Sidang Majlis Mashuarat Negeri buat pertama kali-nya telah mendengar titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dari sejak Baginda naik takhta Kerajaan.

Baginda berangkat tiba di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei sejurus sa-lepas pukul 10.00 pagi dan di-berikan tabek kehormatan Di-Raja oleh Pasokan Pulis Di-Raja Brunei dengan di-iringi oleh Pancharagam Pulis Di-Raja.

Baginda juga telah memerksa barisan kehormatan dan sa-baik2 saja Baginda tiba telah di-sambut oleh Dato Speaker, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri, Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim bin Mohammad Jahfar yang kemudian-nya mengenalkan Baginda kapada Ahli2 Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato Speaker kemudian-nya mengiringi Baginda ka-Singgahsana kerana memberikan titah ucapan.

Pembukaan sidang belanjawan itu di-hadiri oleh Pembesar2 Negara, Ketua2 Jabatan dan Pemerhati2.

Antara yang hadir termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan dan Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir.

Nasihat Pulis kapada orang yang mempunyai peti besi

BANDAR BRUNEI. — Pehak Pulis telah menyeru orang2 yang mempunyai peti besi supaya melekatkan peti besi itu di-tempat-nya dengan semen untuk mencheegah ia dari di-bawa lari oleh pencuri.

Nasihat2 itu di-buat berikutan berlaku-nya kechurian2 baharu2 ini dalam mana peti2 besi telah di-churi dan digelidah.

Pulis juga menasihat tuan2 punya besi yang mutu-nya kurang baik supaya menggantikannya dengan yang lebih baik.

Sa-orang juruchapak pulis berkata kebanyakan peti besi yang telah di-rompak isi-nya dalam beberapa bulan baharu2 ini ada-lah jenis yang kurang baik dan dapat di-pechah dengan kapak.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan sedang memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari anggota2 Pulis Di-Raja Brunei dalam upacara pembukaan sidang Majlis Mashuarat Negeri.

D.Y.M.M. gembira dgn. kemajuan negara

DARI MUKA 1

“Beta yakin bahawa ahli2 Yang Berhormat akan memberi sokongan penuh mereka kapada chadangan2 Kerajaan yang bertujuan bagi melaksanakan laila usaha untuk mendatangkan munafaat kapada Negara Brunei bagi raayat dan isi dalam-nya,” titah Baginda.

Akhir-nya Baginda mengucapkan moga2 ahli2 majlis itu akan dapat menchapai kejayaan laila penyelesaian dalam penetapan2 mereka di-sidang Belanjawan tersebut.

Baginda berharap bahawa apa yang di-putuskan dalam persidangan itu akan dapat memberi sumbangan yang munasabah untuk kesejahteraan dan kebajikan raayat dan penduduk Negara Brunei Darus Salam yang kita kasehi.

Terdahulu dari itu, Baginda telah menerima tabek kehormatan Di-Raja dan memeriksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari pasokan Pulis Di-Raja Brunei dan Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei yang telah di-langsungkan di-kawasan Dewan Kemasharakatan.

HARI KELEPASAN AWAM

BANDAR BRUNEI. — Nuzul Al-Kor'an akan di-peringati dengan suatu hari kelepasan awam.

Ulang tahun yang ka-1,400 tahun Nuzul Al-Ko'r-an jatuh pada hari Selesa, 19 Disember, 1967.

Hari itu telah di-umumkan sebagai hari kelepasan awam di-seluruh Negeri Brunei.